

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 4 TAHUN 1974¹

PERUBAHAN TANGGAGAJI UNTUK PENYANDANG
DAN PEMBEKALAN TANGGAGAJI BARU
UNTUK PENYANDANG

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan telah menimbangkan semula dan memutuskan bahawa tarikh perubahan tanggagaji untuk penyandang seperti dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 18 Tahun 1973 dan pembekalan tanggagaji baru untuk penyandang seperti dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 22 Tahun 1973 hendaklah dipinda dan berkuatkuasa mulai daripada 1hb Januari, 1970. Oleh hal yang demikian Pekeliling Perkhidmatan Bil. 18 Tahun 1973 dan 22 Tahun 1973 adalah dibatalkan dan sifir pemindahan bagi perubahan itu adalah seperti di bawah ini.

Perubahan Tanggagaji untuk Penyandang

2. Tanggagaji untuk penyandang dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1970 di Jadual Bilangan seperti berikut adalah diubah seperti sifir pemindahan yang dilampirkan bersama Pekeliling Perkhidmatan ini:

Jadual Bilangan: 7, 10, 22, 24, 27, 33, 34, 35, 40, 45, 52, 63, 66, 67, 68, 72, 74, 75, 83, 84, 94, 99, 100, 103, 105, 118, 121, 132, 140, 159, 160, 176, 183, 184, 249, 254, 259, 280, 292, 293, 294, 297, 310, 317, 318, 319, 320, 323, 342, 343, 362, 372, 373, 374, 375, 377, 378, 387, 416, 418, 428, 437, 442, 460, 461, 462, 465, 469, 470, 476, 478, 485, 497, 503, 504, 536, 537, 557, 583, 584, 589, 590, 606, 607, 624, 629, 630, 631, 632, 633, 634, 635, 638, 639, 641, 642, 643, 644, 646, 648, 650, 661, 669, 672, 677, 679, 725, 729, 732, 733, 734, 735, 742 dan 743.

Pembekalan Tanggagaji Baru untuk Penyandang

3. Tanggagaji baru untuk penyandang yang dibekalkan adalah bagi jawatan-jawatan yang disenaraikan dalam Jadual Bilangan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1970 seperti di bawah ini:

Jadual Bilangan: 1, 2, 25, 37, 49, 56, 73, 85, 139, 197, 221, 239, 256, 257, 267, 269, 271, 295, 329, 332, 333, 345, 363, 365, 366, 384, 398, 403, 425, 427, 432, 444, 445, 463, 472, 480, 481, 493, 494, 508, 551, 594, 595, 596, 603, 636, 645, 647, 649, 654, 655, 667, 668, 674, 736, 737, 738, 744, 745, dan 748.

Sifir Pemindahan bagi perubahan itu adalah seperti yang dilampirkan bersama-sama Pekeliling ini.

4. Pekerja-pekerja yang layak berpindah ke atas tanggagaji baru untuk penyandang ini adalah pekerja-pekerja yang ditawarkan dan memilih tanggagaji baru Suffian tempoh hari. Pekerja-pekerja yang dilantik terus ke atas tanggagaji Suffian adalah tidak layak berpindah ke tanggagaji baru untuk penyandang.

Tarikh Kenaikan Gaji

5. Oleh kerana perubahan tanggagaji untuk penyandang dan pembekalan tanggagaji baru untuk penyandang itu berkuatkuasa mulai dari 1hb Januari, 1970, maka tarikh kenaikan gaji hendaklah mengikut rumusan yang dibentangkan dalam Lampiran "B" kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1970. Dengan itu tarikh kenaikan gaji pekerja-pekerja yang terlibat hendaklah diubahsuaikan di mana yang perlu.

DATUK ABDULLAH BIN AYUB,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA.
BANGUNAN U.M.B.C.,
KUALA LUMPUR.
14hb Februari, 1974.

CALATAN:

¹ Dibatalkan menurut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 277 dan 377 mulai 31hb Mac, 1977.